



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

### **SEMPENA**

## **MAJLIS PENYERAHAN SIJIL "THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS"**

**2 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)**

**3.00 petang**

**BERTEMPAT DI GRAND BALLROOM, IXORA HOTEL**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Y.B. Dato' Seri Hj Farizan bin Darus**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Puan Siti Hajar Binti Johor**

Wakil daripada Malaysia Book Of Records

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**YBhg. Datin Hj. Che Limah Binti Hj. Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MPSP

**En. Mohd. Tahir bin Othman**

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**En. Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**En. Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah**

Yang Dipertua PERMAI

**Pn. Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

## **Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

## **Rakan-Rakan Media**

**YAB Ketua Menteri, Y.B. Dato' Seri, YB Tuan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Bin Haji Darus, Y.B. EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, YB Tuan Chow Kon Yeow, wakil daripada Malaysia Book Of Records (MBR), Puan Siti Hajar Binti Johor, Ahli-ahli Majlis tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir ke Majlis Penyerahan "***The Malaysia Book Of Records***" yang kita adakan buat kali ini.

**YAB Ketua Menteri, Y.B. Dato' Seri, Y.B. Tuan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

MPSP menekankan sistem pengurusan berdasarkan proses seperti yang disarankan oleh YAB Ketua Menteri dalam ucapan-ucapan beliau sebelum ini. Semua proses kerja di MPSP telah didokumenkan,

dipantau dan diaudit mengikut standard ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti, ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar, ISO 50001:2011 Sistem Pengurusan Tenaga, OHSAS 18001:2007 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS), Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS).

Dengan adanya sistem pengurusan berdasarkan proses, MPSP berupaya melakukan *Business Process Reengineering (BPR)* dengan memendekkan bilangan dan *lead time* untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada warga Seberang Perai. Alhamdulillah sehingga kini MPSP berjaya mengekalkan ke semua pensijilan-pensijilan tersebut.

Pembukaan lembaran baru untuk tahun 2018 memperlihatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sekali lagi mendapat pengiktirafan dan disenaraikan dalam ***“The Malaysia Book Of Records”*** atas pencapaian dan kejayaan MPSP mendapatkan dan melaksanakan tujuh (7) Pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti dengan penambahan kepada Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Bribery ISO 37001:2016. Anugerah ini merupakan anugerah yang lebih istimewa buat MPSP kerana pengiktirafan yang diterima ini bukan hanya di peringkat PBT malah sebagai organisasi pertama di Malaysia yang telah mendapat tujuh (7) Pensijilan daripada SIRIM QAS International

Sdn Bhd. Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat terutama warga MPSP, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ahli Majlis yang sentiasa memberi sokongan penuh ke atas semua komitmen MPSP.

Pencapaian MPSP bukan setakat mendapat pengiktirafan MBR dalam aspek kualiti sahaja malah MPSP juga telah mendapat pengiktirafan MBR dalam menyediakan program-program. Sebagai contoh, dalam program I Love Penang Run: Seberang Perai 2017 di mana MPSP bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dinobatkan sebagai penganjur bagi acara **FUN RUN terbesar di Malaysia** yang telah diadakan pada 9 April 2017 dengan penyertaan 15,942 peserta. Selain itu, kita juga menerima Sijil MBR sempena program Penanaman 3002 batang Pokok Tecoma di mana MPSP telah diiktiraf sebagai penganjur bagi "**The Largest Tecoma Tree Planting Event**" pada 27 Ogos 2017.

**YAB Ketua Menteri, Y.B. Dato' Seri, Y.B. Tuan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Selain daripada Pensijilan yang kita perolehi, MPSP menitik beratkan **pengiktirafan rakyat** seperti yang disarankan oleh YAB Ketua Menteri dan YB Tuan Chow Kon Yeow. Oleh itu, MPSP telah memperkenalkan konsep inklusif dengan menyediakan jurubahasa isyarat dalam program-program utama MPSP supaya memberi peluang

kepada semua warga Seberang Perai khususnya golongan OKU untuk sama-sama memahami dan mengikuti kandungan program yang dianjurkan oleh MPSP. *“No One Should Be Left Behind”* menjadi *guiding principle* seiring dengan *SDG Goals 17*.

Selain itu, aktiviti penanaman 3002 batang pokok tecoma bersama rakyat yang telah diadakan pada 27 Ogos 2017 membuktikan pengiktirafan rakyat Seberang Perai. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Lebih kurang 4000 orang yang terlibat dalam penanaman serentak ini dan MPSP menerima penyumbang pokok tersebut di kalangan sektor swasta, kerajaan dan individu. Penanaman pokok tecoma ini adalah untuk memperbanyakkan lagi kawasan hijau dan teduhan untuk kegunaan rakyat Seberang Perai beriadah dan berekreasi.

MPSP telah melaksanakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 yang mengandungi 85 program dan 202 aktiviti yang akan dilaksanakan setiap tahun. Dalam usaha mendapatkan pengiktirafan rakyat tahun 2018, MPSP telah melaksanakan konsep *“Management by Walking Around”*. Semua HOD diarah berada di lapangan untuk memantau dan menyelesaikan masalah di lapangan. Semua mesyuarat akan dijadualkan bermula jam 10.00pagi.

Di samping itu, MPSP juga melaksanakan *Performance Based Management* supaya setiap KPI dicapai seperti yang dijanjikan. Mulai tahun 2018, MPSP akan melaporkan pencapaian melalui *report card* menyediakan dan melaporkan *report card* setiap tiga (3) bulan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil dan perancangan untuk dikongsi dan dinilai oleh rakyat Seberang Perai. *Report card* ini akan dipaparkan di laman sosial seperti *facebook*, **Twitter**, laman rasmi MPSP dan LED Screen di Bandar Perda.

Program Hari Mesra Pelanggan dengan tema “Anda ada masalah, kami permudahkan” juga merupakan satu program MPSP mendekati rakyat. Ia telah diadakan dengan jayanya pada 25 Januari 2018 di perkarangan lobi dan auditorium MPSP yang telah berjaya menarik minat seramai lebih kurang 500 orang peserta dengan pelbagai masalah yang dihadapi yang berkaitan dengan MPSP. MPSP bercadang untuk mempergiatkan lagi Hari Mesra Pelanggan ini pada setiap tiga (3) bulan bagi mendekatkan MPSP dengan rakyat. Tema hari Mesra Pelanggan berikutnya adalah:

Anda Bersuara, Kami Mendengar

Anda Ada Masalah, Kami Permudahkan

Anda Berkehendak, Kami Bertindak

Anda Ceria, Kami Gembira

Akhir kata, terima kasih kepada semua warga Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Tidak lupa kepada semua warga MPSP yang telah bertungkus lumus dalam menyediakan dokumen atau garis panduan berkaitan sehingga MPSP memperolehi tujuh (7) Pensijilan daripada SIRIM dan lima (5) pengiktirafan daripada MBR. Satu pencapaian yang hebat dan tahniah sekali lagi. Sekali lagi, jutaan terima kasih saya rakanan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh warga MPSP yang telah menyokong dan memberi kerjasama yang padu kepada saya dan MPSP. Saya berharap kerjasama ini dapat diteruskan untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**